

**NO. SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA  
BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)**

**Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Kementerian bagi mengawal kenaikan harga barang terutamanya apabila musim perayaan serta berapakah jumlah peniaga yang telah ditangkap dan didenda kerana tidak mematuhi Skim Kawalan Harga Musim Perayaan sempena Tahun Baru Cina 2018.**

7

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) telah dilaksanakan sejak tahun 2000 dan masih dilaksanakan sehingga kini. Skim ini dilaksanakan semasa perayaan **Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas**. Di bawah Skim ini, beberapa jenis barang dikawal harganya **di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit** bagi suatu tempoh tertentu. Antaranya termasuklah telur ayam, ayam, daging lembu, daging kambing, daging kerbau dan beberapa jenis barangan dari kategori hasil laut dan sayuran.

Pada tahun ini, **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Tahun Baru Cina** telah diadakan daripada **10-27 Februari 2018** (12 hari). Sepanjang tempoh skim ini berkuat kuasa, sebanyak **27,461 pemeriksaan** telah dilaksanakan di seluruh negara ke atas semua peringkat perniagaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **231 kes** tindakan kes telah diambil dengan **keseluruhan rampasan** bernilai **RM21,530** dan **kompaun** sebanyak **RM30,650**.

**SOALAN ( 14 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 29 MAC 2018  
[ KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT]**

**SOALAN :**

**YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [ HULU LANGAT ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh mana teknologi 'waste  
to energy' boleh dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pelupusan *waste to energy* (WTE) boleh dimanfaatkan oleh rakyat Malaysia melalui faedah-faedah seperti berikut:

- i. keupayaan loji WTE untuk **menjana dan mengeksport tenaga elektrik;**
- ii. Mengurangkan penjanaan gas rumah hijau sebanyak 97%;
- iii. Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang perlu dilupuskan sebanyak 80%-90%;
- iv. Menghasilkan tenaga boleh diperbaharui dan tidak memerlukan tapak yang luas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, memandangkan kos sebuah loji insinerator adalah tinggi, pihak Kerajaan akan menumpukan pembinaan WTE di bandar-bandar utama yang menjana sisa pepejal dalam kuantiti yang tinggi iaitu melebihi 1,000 tan sehari serta mempunyai keluasan tanah yang terhad seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Melaka.